



Pindaan AUKU: Kebebasan pelajar, pensyarah berpolitik perlu ada batas

Mac 24, 2023 @ 9:49am



Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Kebebasan berpolitik yang diberikan kepada pelajar dan pensyarah melalui pindaan beberapa peruntukan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 kelak perlu ada batasannya.

Penasihat Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Dr Salawati Mat Basir, berkata batas itu penting agar pensyarah dan pelajar tidak meninggalkan tugas hakiki untuk mengajar atau belajar ketika menyertai aktiviti politik di luar kampus.

"Saya percaya walaupun diberi kebenaran itu, mesti ada peraturan yang membataskannya supaya tidak berlaku salah guna kuasa berkaitan perkara itu. Selagi pindaan akta itu tidak menjejaskan tugas hakiki pelajar untuk menjadi seorang pelajar dan menimba ilmu, saya tidak nampak kesalahan untuk kita pinda akta berkenaan," katanya kepada Bernama.

Pada 19 Mac lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan, walaupun kerajaan memaklumkan bahawa AUKU 1971 tidak akan dimansuh,

beberapa peruntukan dalam akta itu yang menyekat kebebasan mahasiswa dan pensyarah akan dihapuskan.

Bagaimanapun, katanya setiap kebebasan yang diberikan oleh kerajaan di negara ini perlu ada batasnya dan tidak diberikan secara mutlak untuk mengelakkan perkara tidak diingini terjadi.

"Kalau pelajar mahu menjadi calon, mesti ada syarat-syarat, bukan pelajar yang gagal dalam semester pun boleh menjadi calon... begitu juga dengan pensyarah, mesti bersih dari tatatertib dan ada perkhidmatan yang baik," katanya.

Dalam pada itu, Profesor Politik dan Hubungan Antarabangsa Universiti Utara Malaysia, Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani, berkata pensyarah wajar diberi peluang membabitkan diri secara langsung dalam bidang politik.

Ini katanya, bagi membolehkan golongan intelektual yang banyak membuat penyelidikan serta memiliki pengetahuan luas tentang pentadbiran negara menyuarakan pendapat mereka.

"Sekiranya pensyarah mahu dibenarkan terbabit dengan politik seperti masuk parti politik dan memegang jawatan dalam parti, saya setuju. Tetapi kena ada peraturan khusus supaya mereka tidak meninggalkan pekerjaan hakiki, kalau terbabit politik," katanya.

Berkenaan pelajar yang diberikan kebebasan menyertai politik di luar kampus, Azizuddin berkata kebebasan itu tidak sepatutnya mengganggu gugat ketenteraman kampus sekali gus tidak menjejaskan suasana pembelajaran dan pendidikan di universiti.

Setiausaha Agung (SUA) Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Rasydan Mohd Hassan, berkata kebebasan mahasiswa dalam menguruskan aktiviti dan kegiatan politik adalah wajar kerana ia selari dengan agenda Undi 18 di peringkat kebangsaan.

"Saya merasakan pindaan ini sangat relevan, selari dengan agenda pemerkasaan mahasiswa yang mahu diangkat kerana ada beberapa perkara di dalam AUKU, Akta Universiti Teknologi Mara (UiTM) (Akta 173/174); Akta Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) 1966 (AKTA 555) yang menghalang agenda pemerkasaan mahasiswa seperti pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan.

Melalui pemerkasaan yang diberi ini, akan menyebabkan mahasiswa kita lebih mampan dan fleksibel selari dengan keperluan global," katanya.

Pada 16 Mac lepas, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat berpendirian bahawa pendekatan meminda AUKU 1971 adalah langkah yang lebih tepat berbanding memansuhkan terus akta itu. – Bernama